

# Mustangs, Serdang Angels buat perhitungannya di final

» *Tewaskan lawan pada pusingan separuh akhir Kategori Cup*

**Oleh Mohamad Zulfaizan Mansor**  
Zulfaizan@bh.com.my

## ► Serdang

Pasukan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Mustangs bakal berdepan cabaran Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang Angels pada perlawanan akhir Kejohanan Ragbi Super 8 institusi pengajian tinggi (IPT) 2014 yang akan berlangsung di Stadium UPM, petang esok.

Kedua-dua pasukan itu mara ke pentas akhir selepas menewaskan lawan masing-masing pada pusingan separuh akhir Kategori Cup di stadium sama, semalam.

UPM Serdang Angels yang juga pasukan tuan rumah menewaskan Majlis Sukan Politeknik Malaysia (MSP) dengan 30-10, manakala UIAM Mustangs pula mengenyapkan cabaran Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) Smookies dengan 19-14 hasil kebangkitan pada lewat permainan.

MSP dan UPNM Smookies juga akan bertembung bagi perebutan tempat ketiga dan keempat di stadium sama, petang esok.

## Terlalu yakin

Jurulatih Serdang Angels, Khairul Ali Amat berkata, pasukannya akan memberi fokus 100 peratus pada perlawanan akhir esok dan akan memperbaiki segala kelemahan yang ada.



Pemain UPNM Smookies (jersi kuning) **diasak** pemain UIAM Mustangs dalam saingan separuh akhir di Stadium UPM Serdang, semalam.

## Hari ini

### Final Plate

⊕ UTM Bronco mIn UniKL Falcon, 4 ptg  
(Padang Ragbi A UPM)

### Esok

### Tempat ketiga Cup

⊕ UPNM Smookies mIn MSP, 2.30 ptg

### Final Cup

⊕ UPM Serdang Angels mIn UIAM Mustangs, 4.30 ptg  
(Kedua-dua perlawanan di Stadium UPM)

"Walaupun kita dianggap sebagai pasukan pilihan pada kejohanan ini, namun semua pemain perlu berwaspada dengan tentangan daripada UIAM Mustangs. Kita tidak mahu terlalu yakin dan peluang untuk menang adalah 50-50," katanya ketika ditemui selepas perlawanan, semalam.

Sementara itu, jurulatih UIAM Mustangs, Khairul Azhar Shaarani pula berharap momentum dan semangat tinggi ditunjukkan pemainnya pada separuh akhir dapat diteruskan pada perlawanan akhir itu nanti.

Kejohanan Ragbi Super 8 IPT yang menawarkan hadiah

keseluruhan sebanyak RM9,500 itu adalah usaha yang dibangunkan Bahagian Sukan Sektor Pengajian Tinggi, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Pusat Kecemerlangan Sukan Ragbi UPM bagi memperkasakan program pembangunan ragbi di peringkat IPT.

**KEJOHANAN RAGBI SUPER 8 IPT 2014**  
31 Okt - 2 Nov 2014  
Padang Ragbi A & Stadium Universiti Putra Malaysia (UPM)

Facebook: SUKAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (BUKPT) <http://bukpt.com.my>